

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	27/6/2019	MUKA SURAT	: 9
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Sampel air Kuala Koh diambil 8 kali

Oleh AIMUNI TUAN LAH

pergangan@utusan.com.my

■ GUA MUSANG 26 JUN

PELBAGAI agensi kerajaan akan bekerjasama melakukan eksekusi sampel air sebanyak lapan kali di perkampungan Orang Asli Kuala Koh, Pos Lebih di sini bagi mendapatkan keputusan tepat sama ada sumber air penduduk kawasan itu tercemar atau tidak.

Pengarah Bahagian Pelaksanaan Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Azizan Abu Taat berkata, sehingga kini pihaknya telah melakukan tiga eksekusi mengambil sampel air dengan memberikan fokus kepada kawasan pencemaran air oleh penduduk Orang Asli suku Bateq.

Beliau berkata, sampel tersebut diambil dari empat sumber yang digunakan mereka dan lima lagi eksekusi akan dilaksanakan sebelum Julai ini.

"Lapan eksekusi pengambilan ini dilakukan bagi mendapatkan keputusan bergantung cuaca semasa sama ada semasa hujan atau panas. Hari ini sampel diambil dari empat sumber air iaitu air tandak, air sungai, air sambungan dan air telaga.



AZIZAN ABU TAAAT (kiri) memerhatikan dua kakitangan Jabatan Kimia negeri mengambil sampel punca air di perkampungan Orang Asli suku Bateq di Kuala Koh, Pos Lebih, Gua Musang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/GHAZALI BASRI

"Keputusan konklusif dari pada semua sampel itu akan siap seawal hujung Julai," katanya kepada pemberita selepas proses pengambilan sampel berkenaan di sini hari ini.

Terdahulu, beliau bersama Ketua Pengarah Jabatan Kimia, Mohd. Zaini Abdul Rahman; Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Kelantan, Che Abdul Rahman Jaafar;

Pegawai Kesihatan Daerah Gua Musang, Dr. Mohamad Rafiq Mohd. Kasri dan Presiden Sahabat Jariah Malaysia, Johan Halid turut meninjau kawasan tandak tadahan air bukit atau

air tandak berhampiran Kampung Kuala Koh yang disalurkan ke perkampungan tersebut.

Agensi yang terlibat termasuk pihak media mengambil masa selama 40 minit berjalan kaki ke lokasi air tandak berkenaan dengan dipandu arah oleh Tok Batin Kampung Kuala Koh, Mohamad Pokok.

Azizan berkata, pihaknya mendapatkan punca air tersebut terletak sejauh dua buah bukit dari sebuah kawasan perlonggangan mangian yang didakwa menjadi punca pencemaran.

"Ada perlombongan di kawasan berhampiran dan kita perlu melalui dua buah bukit baru sampai ke sini. Saya tidak mahu buat spekulasi namun bergantung kepada keputusan yang dikeluarkan daripada Jabatan Kimia," katanya.

Dalam pada itu, pihaknya turut menyeru agar semua pihak mendengar nasihat agensi-agensi terlibat yang mempunyai kepakaran dalam bidang tugas masing-masing.

Sementara itu, Dr. Mohamad Rafiq berkata, dia berpuas hati dengan tindakan agensi berkenaan yang mengambil sampel air secara berkala bagi memastikan bekalan penduduk terjamin kebersihannya.